



AHMAD Zahid bersama sebahagian peserta ketika hadir untuk merasmikan majlis perasmian penutup Perak Academic Community Engagement 2016 di Sekolah Menengah Sains Bagan Datoh.

# RM2b kekang banjir

■ RTB cegah kawasan lembangan sungai ditenggelami air

Mohd Hafizee Mohd Arop  
hafizee@hmetro.com.my

## Teluk Intan

**B**agi mencegah hakisan sungai dan kenaikan paras air di lembangan sungai, kerajaan memerlukan sekurang-kurangnya RM2 bilion bagi melaksanakan projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di seluruh negara.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, projek RTB itu sangat penting bagi jangka masa panjang dan sekiranya langkah berkenaan tidak diambil segera, ia akan menyebabkan 20 peratus kawasan lembangan sungai bakal ditenggelami dalam tempoh 70 tahun lagi.

Beliau berkata, projek itu seharusnya dinilai daripada aspek keseluruhan demi kepentingan jangka masa panjang dan rakyat seharusnya tidak melihatnya daripada aspek perniagaan.

"Ia adalah masalah yang tidak dapat dielakkan kerana pemanasan global di mana paras air dijangka akan naik akibat cairan glasier.

"Apabila berlaku cairan glasier, ini akan menyebabkan paras air laut dan sungai meningkat sekali gus menyebabkan hakisan dan peningkatan paras yang memerlukan projek RTB ini di-

laksanakan sebagai langkah jangka panjang," katanya dalam ucapan perasmian Majlis Pecah Tanah Projek RTB Teluk Intan di Kampung Terengganu, di sini, semalam.

Bagi fasa pertama projek RTB Teluk Intan, kerajaan memperuntukkan RM75 juta untuk mengatasi masalah banjir yang membabitkan 15,000 penduduk di kawasan itu.

Ahmad Zahid berkata, walaupun kerajaan terpaksa mengurangkan perbelanjaan sehingga RM9 bilion tahun ini, kerajaan akan tetap memastikan kesejahteraan rakyat terjaga.

Sementara itu, dalam



Ia adalah masalah yang tidak dapat dielakkan kerana pemanasan global di mana paras air dijangka akan naik akibat cairan glasier"

Dr Ahmad Zahid Hamidi

program berasingan ketika menyempurnakan Majlis Perasmian Penutup Perak Academic Community Engagement (PeACE) 2016 di Sekolah Menengah Sains Bagan Datoh, Ahmad Zahid berkata, beliau mahu sektor pendidikan di Bagan Datoh terus dipacu ke arah kece-

merlangan dalam usaha menjadikan Bagan Datoh sebagai antara hab pendidikan dalam negara.

Beliau berkata, usaha itu juga bertepatan dengan cadangan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, yang mahukan Bagan Datoh menjadi tempat kemakmuran baru.

"Semua ini adalah barakah yang kita panjatkan doanya kepada Allah, cuma apa yang kita mahukan adalah komitmen Perdana Menteri yang bersetuju untuk memartabatkan Bagan Datoh sebagai satu tempat punca kemakmuran yang baharu dapat direalisasikan," katanya.

## Minum petang bersama penduduk



Biarpun sibuk dengan pelbagai aktiviti ketika lawatan kerja ke daerah Hutan Melintang, Perak, semalam, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi sempat meluangkan masa minum petang bersama masyarakat di kawasan berkenaan.